

R

16 APR 2001

Syed Hamid-OIC/(Bergambar)

OIC MINTA MALAYSIA KEMUKA CADANGAN PENSTRUKTURAN SEMULA BADAN ITU

KUALA LUMPUR, 16 April (Bernama) -- Setiausaha Agung Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) Dr Abdelouahid Belkeziz hari ini meminta Malaysia mengemukakan kertas cadangan penstrukturan semula badan itu.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid berkata Malaysia juga diminta mengemukakan kertas cadangan itu untuk perbincangan pada mesyuarat OIC peringkat pegawai di Jeddah, Arab Saudi Mei ini.

Beliau berkata kepada pemberita demikian selepas dikunjungi oleh Belkeziz di pejabatnya di Wisma Putra di sini hari ini.

Belkeziz, 61, yang juga merupakan bekas menteri luar Maghribi telah dipilih sebagai setiausaha agung OIC yang baru pada Persidangan Menteri Luar Negara-Negara Islam (ICFM) di sini tahun lepas menggantikan Dr Azzedine Laraki.

Beliau yang akan berada di Kuala Lumpur selama dua hari, mula memegang jawatannya itu pada 1 Jan lepas.

Ketika di sini, Belkeziz akan menghadiri Persidangan Agung kedua Persekutuan Universiti-Universiti Islam Sedunia dan perasmian kampus baru Universiti Islam Antarabangsa (UIA) di Gombak.

Syed Hamid berkata, pada pertemuan itu Belkeziz juga mahu Malaysia terus memainkan peranan penting, terutamanya di dalam menjadikan OIC sebuah pertubuhan yang dihormati.

"OIC berharap dapat bekerjasama dengan Malaysia dengan lebih rapat lagi di dalam usaha untuk menjadikan ia organisasi yang dihormati," katanya.

OIC kata beliau, sentiasa menganggap Malaysia sebagai anggota yang penting dan terutamanya di dalam menentukan arah tujuan pertubuhan itu pada masa ini dan juga pada masa akan datang.

Syed Hamid berkata, Malaysia juga akan menganjurkan satu persidangan mengenai globalisasi di kalangan negara-negara anggota OIC pada Jun ini tetapi ia akan hanya melibatkan para intelek dan anggota akademik.

Pada petang ini, Belkeziz dijadualkan mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

-- BERNAMA

MHI ZS RI